

Pendidikan Sivik bentuk sikap bertanggungjawab

Bertimbang
rasa jadikan
rakyat lebih
berdisplin,
bersih, maju: PM

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
dan Suhaila Shahrul Annuar
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Tun Dr Mahathir Mohamad berharap Pendidikan Sivik yang diperkenalkan di sekolah sejak Jun lalu akan membentuk masyarakat dan individu yang bertanggungjawab, prihatin, bertimbang rasa terhadap pihak lain.

Perdana Menteri berkata, dalam

hidup bermasyarakat, nilai hidup sifat sedemikian amat penting supaya setiap individu tidak melakukan sesuatu yang memburukkan keadaan di sekeliling mereka.

“Saya percaya bukan sahaja anak-anak kita akan menjadi orang yang *civic minded*, tetapi guru-guru semasa mereka mendidik, tentulah akan sematkan nilai sivik yang sama.

“Dengan itu, percayalah negara kita akan menjadi negara yang maju, bersih dan dipandang tinggi oleh masyarakat dunia,” katanya ketika melancarkan Pendidikan Sivik Peringkat Kebangsaan, di sini, semalam.

Pendidikan Sivik dilaksanakan selama satu jam pada minggu keempat setiap bulan dalam waktu mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Pendi-

kan Islam, Pendidikan Moral dan Sejarah, selain turut dilaksanakan dalam perhimpunan dan aktiviti kokurikulum.

Dr Mahathir berkata, amat penting bagi masyarakat untuk memahami bahawa yang menentukan jaya atau tidak seseorang mahupun sesuatu bangsa adalah bergantung kepada nilai hidup, contohnya sifat amanah.

“Umpamanya, kita mengambil hak orang lain kerana tiada siapa melihat kerana kita berpendapat, tidak ada siapa yang akan bertindak terhadap kita.

“Kalau kita mempunyai sifat semacam itu dan anggota lain dalam masyarakat juga begitu, maka masyarakat sudah tentu akan jadi kucar-kacir, tidak tersusun, tidak tenteram tidak aman dan tidak stabil,” katanya.

Perdana Menteri menjelaskan, Pendidikan Sivik di sekolah tidak akan menambah beban kepada guru atau murid.

“Setakat ini, belum ada demonstrasi seperti demonstrasi terhadap (isu tulisan) khat,” katanya secara berseloroh.

Beliau berkata, tugas mendidik nilai sivik perlu diterapkan dalam sistem pendidikan negara memandangkan tanggungjawab itu tidak lagi boleh diletakkan kepada ibu bapa semata-mata.

“Ibu bapa juga kadangkala sibuk, mungkin apa yang diajar, disampaikan, disemai dalam hati anak mereka tidak begitu baik. Oleh itu, kita perlu susun nilai hidup terbaik yang perlu diterap kepada anak kita, ahli masyarakat kita menerusi sistem pendidikan,” katanya.